

'Usah lengah beri anak didikan awal'

Penyertaan prasekolah kian meningkat: Rosmah

Oleh Syuhada Choo Abdullah
choo@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Berdasarkan tinjauan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara pada 2006, hanya 10.6 peratus ibu bapa menggunakan khidmat pusat asuhan kanak-kanak, dengan mereka di kawasan luar bandar cuma 5.9 peratus, kata isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Beliau berkata, ini berbanding kadar tinggi penyertaan kanak-kanak berumur lima tahun dan enam tahun ke prasekolah, iaitu 67 peratus

pada 2007 dan ia dijangka meningkat kepada 80 peratus menjelang akhir 2010.

"Sebagai seorang ibu, saya sedar bahawa kita terlepaskan peluang menyediakan asuhan dan didikan awal berkualiti kepada kanak-kanak berumur di bawah lima tahun untuk mereka membina sepenuhnya serta mencapai potensi maksimum.

"Itulah asas untuk saya menggembung sekumpulan profesional mengikhtiar langkah ke hadapan bagi memastikan kanak-kanak diberi asuhan dan didikan yang betul dari seawal mungkin. Bagi saya, setiap kanak-ka-

nak adalah berharga, tiada yang harus ketinggalan atau dinafikan peluang untuk belajar.

"Kepercayaan dan komitmen teguh inilah yang membawa kepada kewujudan Pusat Anak Permata Negara. Permata menyediakan program asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti tinggi dengan kemudahan bersesuaian, serta

guru dan juga pengasuh terlatih," katanya dalam pembentangan bertajuk 'Membangunkan Modal Insan Bermula Dengan Kanak-Kanak' pada Persidangan Pemikiran Antarabangsa Ke-14 (ICOT



ROSMAH melihat peta minda yang dilukis Perunding Urusan Mashal Management Consulting, **Masitah Babjan** (kiri) sambil diperhatikan **Dr Sharifah Hapsah** (kanan) dan **Tony Buzan**.

2009) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Hadir sama Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin; Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Nik

Mustapha R Abdullah. Seramai 1,088 peserta menghadiri persidangan itu yang akan berlangsung sehingga 26 Jun ini, termasuk 500 dari luar negara seperti New Zealand, Australia, Sweden, Singapura, Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Rosmah berkata, pema-

ngunan awal kanak-kanak adalah asas kepada pembentukan modal insan berkualiti, malah memberi pulangan tertinggi dalam pembangunan ekonomi serta adalah kaedah paling kos efektif untuk mengurangkan masalah kemiskinan.